A. Pilih penggunaan kata bilangan yang betul.

1. a) Orang kaya itu memiliki **empat** rumah.---------- [ ]
   b) Orang kaya itu memiliki **empat** buah rumah.---------- [ ]

2. a) **Beberapa** orang murid telah didenda oleh guru disiplin.- [ ]
   b) **Beberapa** murid telah didenda oleh guru disiplin.--------- [ ]

3. a) Emak telah membuat **berbagai-bagai** jenis kuih untuk majlis hari jadi saya.---------- [ ]
   b) Emak telah membuat **berbagai** jenis kuih untuk majlis hari jadi saya.---------- [ ]

4 a) **Para-para** hadirin telah mengambil tempat masing-masing.---------- [ ]
   b) **Para** hadirin telah mengambil tempat masing-masing.--- [ ]

5. a) **Para** perompak sudah dipenjarakan.---------- [ ]
   b) **Semua** perompak sudah dipenjarakan.---------- [ ]

6. a) **Keempat-empat** orang murid itu dari Kelas 8 Anggerik.-- [ ]
   b) **Keempat-empat** murid itu dari Kelas 8 Anggerik.---------- [ ]

7. a) Dia mendapat tempat **ke2** dalam pertandingan itu.------- [ ]
   b) Dia mendapat tempat **ke-2** dalam pertandingan itu.------ [ ]

8. a) **Setengah-tengah** daripada penduduk belum mengisi borang.---------- [ ]
   b) **Sesetengah** daripada penduduk belum mengisi borang.- [ ]

9. a) **Ramai** orang melawat ke karnival semalam.---------- [ ]
   b) **Banyak** orang melawat ke karnival semalam.---------- [ ]

LIVEWORKSHEETS

B. Pilih kata bilangan yang betul.

1. Datuk minum secawan kopi **[setiap | separuh]** pagi.

2. Saya anak **[kedua-dua | kedua]** daripada empat orang adik-beradik.

3. **[Beberapa | Semua]** orang anak Encik Lee menuntut di universiti tempatan.

4. Murid-murid mengambil tempat **[tiap-tiap | masing-masing]** kerana majlis akan bermula.

5. **[Para | Sebahagian]** besar penduduk di kampung itu bekerja di pusat bandar.

6. **[Beberapa | Keempat]** ekor ayam ternakan Ali didapati mati semalam.

7. **[Sesetengah | Separuh]** daripada kek yang belum habis dimakan disimpan di dalam peti sejuk.

8. **[Seluruh | Semua]** kawasan itu dibanjiri air kerana hujan lebat.

9. **[Berbagai | Para]** jemputan mula memasuki dewan sebelum ketibaan tetamu kehormat.

10. **[Semua | Setiap]** hidangan yang disediakan dalam majlis itu telah habis dimakan tetamu.

LIVEWORKSHEETS

C. Lengkapkan ayat dengan kata bilangan yang betul.

masing-masing	Ribuan	kedua-dua
bertiga	Pelbagai	Para
bertahun-tahun	kelima	Seluruh
Sesetengah	beratus-ratus	Beberapa

1. _____ penonton membanjiri stadium untuk menyaksikan konsert itu.
2. _____ hadirin telah dijemput untuk mengambil tempat _____.
3. _____ acara diaturkan untuk memeriahkan majlis.
4. Kita harus menghormati _____ orang ibu bapa kita.
5. _____ remaja suka melepak di pusat beli-belah pada masa lapang.
6. Dia telah meninggalkan kampung _____ lalu.
7. _____ tubuhnya didapati calar-balar akibat kemalangan jalan raya yang ngeri itu.
8. Puan Anis menghabiskan _____ wang simpanan untuk membayar yuran sekolah anaknya.
9. _____ buah buku cerita saya telah disumbang kepada perpustakaan sekolah.
10. Mereka _____ telah dilantik untuk mewakili sekolah menyertai pertandingan drama.

LIVEWORKSHEETS